



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 16 JANUARI 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	APMM PERAK RAMPAS 30 SET BUBU NAGA DI SUNGAI BERUAS, NEGARA, KOSMO -17	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	STUDENTS URGED TO AVOID STRAYS AMID RABIES CASES, NEWS, THE STAR -4	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	LABUAN RECORD DROP IN FISH HAUL, NEWS, THE STAR -4	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
4.	SERTA KPLK KEKANG ORANG TENGAH, DALAM NEGERI, UM -31	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5.	FAMA TUMPU USAHA KURANGKAN PERANAN ORANG TENGAH, NASIONAL, SH -12	
6.	CARI JALAN SAYUR TIDAK NAIK HARGA, NEGARA, KOSMO -16	
7.	PESAWAH MENGELUH BENIH PADI MAHAL, NEGARA, KOSMO -14	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
8.	LEBIH 1,400 PESAWAH TERENGGANU DAKWA LEWAT TERIMA BENIH PADI, DALAM NEGERI, UM -32	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)
9.	KG. JOHAN SETIA SUMBANG 30 PERATUS BEKALAN SAYUR, DALAM NEGERI, UM -8	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

APMM Perak rampas 30 set bubu naga di Sungai Beruas

LUMUT – Tindakan pantas Maritim Malaysia (APMM) berjaya merampas sebanyak 30 set bubu naga yang dipasang pihak tidak bertanggungjawab di muara Sungai Beruas di sini kelmarin.

Pengarah Maritim Negeri Perak, Kepten Maritim Mohd. Ham-bali Ya'akup berkata, bubu naga itu dikesan oleh pasukan bot ronda APMM yang sedang melaksanakan Op Sayong, Op Pin-tas, Op Tanjung dan Op Tiris di

perairan negeri ini.

Beliau berkata, ketika menyuri kawasan terbabit, bot peronda berkenaan melihat pancang kayu yang mencurigakan di permukaan air.

"Hasil tinjauan mendapati, pancang kayu berkenaan adalah penanda lokasi bubu naga yang dipasang oleh individu atau kumpulan yang tidak bertanggungjawab," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd. Ham-bali berkata, pemilik bubu naga boleh didakwa di bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan.

Katanya, penggunaan bubu naga boleh mengakibatkan anak ikan dan udang mudah untuk masuk ke perangkap jaring terbit dan menjejaskan biodiversiti marin serta mengakibatkan hasil laut semakin berkurangan.



ANGGOTA APMM merampas bubu naga di perairan Sungai Beruas di Lumut kelmarin. - IHSAN APMM

Labuan records drop in fish haul

LABUAN has reported a slight decline in fish landings for 2023, recording 1,692 tonnes compared to 2,087 tonnes in the previous year.

Labuan Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM) director Fadhilah Azib attributed the decrease mainly to adverse weather conditions, crew shortages, breakdown of fishing vessels as well as a scarcity of sea resources.

"Labuan, known for its vibrant fishing industry, faced challenges in 2023 that impacted the overall fish landing figures," she told Bernama.

"Unfavourable weather conditions, including strong winds and rough seas, were identified as primary factors affecting fishing activities on the island.

"LKIM has emphasised the importance of understanding and addressing the impact of weather patterns on local fisheries.

"The authorities are working closely with the fishing community to develop strategies that can mitigate the effects of unpredictable weather on the industry, as it affects the livelihood of our fishermen too," Fadhilah said.

She said despite the decrease in overall fish landings, Labuan



Fishermen bring in their catch after landing at Pantai Tanjung Layang-Layangan in Labuan. — Bernama

continued to be a hub for diverse marine species, especially tuna.

"The various fish landing jet-ties in many village areas receive catches of different species, highlighting the rich biodiversity of the surrounding waters."

She said LKIM was collaborating with fishermen and stakeholders to implement measures that could enhance the resilience of the fishing industry.

"Fishermen must explore new technologies and methods that

can help them adapt to changing environmental factors," she said.

Fadhilah also said Labuan, as a vital contributor to Malaysia's fisheries sector, remained committed to sustaining its fishing industry and ensuring the well-being of the local community dependent on it.

"The authorities are optimistic about recovery and growth prospects, as they continue to address the challenges posed by climate variability and other external factors affecting fish landings."



Dr Siong (seated, centre) with participants of the talk in Sibiu.

Students urged to avoid strays amid rabies cases

STUDENTS have been reminded to stay away from strays as they may be infected with rabies.

Veterinary Services Department (DVS) Sibiu division chief Dr Siong Jing Jing said as many students tended to interact with such animals, rabies awareness needed to be raised.

"When encountering abandoned or stray animals, avoid approaching them.

"Inform adults if a stray animal is behaving strangely so that appropriate measures can be taken," she said at a rabies awareness event held at SK Sentosa.

The talk, organised by Sibiu Municipal Council (SMC) in collaboration with DVS Sarawak, was attended by some 80 stu-

dents, parents and teachers.

Dr Siong also advised the public to send their pets for regular vaccinations against rabies.

"It is everyone's responsibility to prevent rabies and this can be done by not letting pets roam freely outside the house," she said.

Between Jan 1 and Dec 13 last year, 18 cases of humans infected with rabies were recorded in Sarawak.

Of those, five were recorded in Sibiu, followed by Serian (four), Kuching (four), Bintulu (three), and Samarahan (two).

Since the 2017 declaration of rabies as endemic in Sarawak, up to last December, there have been 73 cases, including 66 fatal ones. — By ANDY CHUA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Sertai KPLK kekang tengah



ABD. Rahman Mahmood meninjau gerai jualan sayur-sayuran pada Program Jualan Agro Madani di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, Kota Bharu, Kelantan. - UTUSAN/ROSZIMAN RESDI

Oleh **ROSZIMAN RESDI**
 utusannews@mediamulla.com.my

KOTA BHARU: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengajak para petani di negara ini untuk menyertai Program Khidmat Pemasaran Ladang Kontrak (KPLK) dalam usaha mengekang kewujudan orang tengah sekali gus dapat mengawal kestabilan harga sayur-sayuran dan buah-buahan.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Abd. Rahman Mahmood berkata, program itu turut membantu pihaknya mengumpul data lengkap berkaitan hasil tanaman bagi pelaksanaan dan perancangan masa hadapan.

"Kalau semua petani dan pengeluar berdaftar dengan FAMA atau agensi-agensinya kerajaan yang lain, kita dapat mengurangkan penglibatan orang tengah.

"Pada masa sama, ia dapat menyelesaikan masalah bekalan sekiranya berlaku kejadian

seperti bencana. Namun, kebanyakan mereka (petani dan pengeluar) tidak mahu mendaftar disebabkan beberapa faktor termasuk takut dikenakan cukai selain kaedah penanaman tidak memenuhi piawaian ditetapkan," katanya selepas Program Jualan Agro Madani di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong di sini semalam.

Ab. Rahman memberitahu, sehingga kini terdapat seramai 3,232 petani telah menyertai program KPLK di seluruh negara yang membabitkan penanaman sayur-sayuran serta buah-buahan.

Katanya, FAMA ketika ini sedang menggalakkan penglibatan lebih ramai penyertaan dengan menyasarkan pertambahan seramai 1,000 peserta KPLK baharu setiap tahun.

"Program KPLK adalah bertujuan untuk memastikan hasil pertanian dibawa terus kepada pengguna tanpa menggunakan orang tengah," ujarnya.

16/1/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

32

Lebih 1,400 pesawah Terengganu dakwa lewat terima benih padi

Oleh Zaid Mohd. Noor
zaid.noor@mediamulla.com.my

BESUT: Seramai 1,407 pesawah yang mengusahakan tanaman padi seluas 2,746 hektar di kawasan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kerandang dekat sini mendakwa lewat menerima bekalan benih padi sah pada musim utama kali ini.

Kelewatan menerima bekalan itu menyebabkan pesawah terlibat tidak dapat menggunakan tanaman padi mengikut jadual ditetapkan.

Pesawah tersebut mendakwa mereka mula menerima bekalan benih padi tersebut secara berperingkat sejak minggu lalu walaupun jadual penanaman pada musim ini yang dikeluarkan oleh Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara (JADA Ketara) sepatutnya pada 10 Disember 2023 lalu.

Mengikut jadual tersebut, kerja-kerja tanaman padi di kawasan itu sepatutnya berakhir



DUA pesawah membersihkan sawah sebelum menerima bekalan benih padi sah di Kampung Gong Liit, Apal, Besut, Terengganu. - UTUSAN/ZAID. MOHD. NOOR

mengambil masa kira-kira 115 hari untuk menuai hasil," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Alwi Sabri Mohd., 52, pula mendakwa, pesawah juga berhadapan dengan kenaikan benih padi yang semakin mahal dan membebankan pesawah.

Katanya, harga benih padi sebelum ini hanya RM35 bagi seguni benih padi seberat 20 kilogram (kg), namun sekarang melambung sehingga RM45 seguni bagi berat yang sama.

"Pesawah memerlukan kira-kira lapan beg benih padi untuk kawasan seluas satu hektar sawah padi dan kenaikan harga benih padi itu membebankan golongan tersebut," ujarnya.

Sementara itu, Ahli Jemaah Pengarah PPK Kerandang, Mohd. Iskandar Jaafar berkata, Kementerian Pertanian dan agensi yang terlibat sepatutnya dapat memastikan pembekalan dan pengedaran benih padi kepada pesawah mengikut jadual yang ditetapkan.

"Sebahagian pesawah di kawasan ini baru boleh menabur benih padi yang dibekalkan selepas mula diterima pada minggu lalu

"Kalau mengikut jadual, kerja-kerja menanam padi itu lewat lebih sebulan dan selepas ini pula

kalan benih padi sah mengikut jadual ditetapkan.

Menurutnya, dia percaya kelewatan menerima bekalan benih padi berkenaan pada musim ini juga akan menjejaskan jadual tanaman padi pada musim-musim akan datang.

FAMA tumpu usaha kurangkan peranan orang tengah



ABD RAHMAN

KOTA BHARU - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mempergiatkan usaha mengurangkan peranan orang tengah atau peraih bagi memastikan harga sayur-sayuran dan buah-buahan stabil.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Abd Rahman Mahmood berkata, usaha itu dilakukan dengan merancarkan Program Khidmat Pemasaran Ladang Kontrak (KPLK) di seluruh negara yang kini mempunyai 3,232 peserta.

Katanya, KPLK yang juga projek pengeluaran tersebut akan memberi fokus kepada aspek permasalahan yang menghubungkan petani secara terus dengan pasaran, usahawan FAMA atau swasta.

"FAMA juga melihat pengeluaran-pengeluaran tersebut sebagai menjadi usahawan pemasar dan apabila berlaku sesuatu gangguan dalam rantaian pemakanan, mereka akan membekalkan barangan ke outlet-outlet yang dibangunkan oleh pihak FAMA.

"Misalnya di RTC Tunjong yang akan menjadi platform untuk mengurangkan lapisan orang tengah sekali gus menjadikan harga sayur-sayuran dan buah-buahan munasabah," katanya pada sidang akhbar selepas Jelajah Mesra di Program Jualan Agro Madani di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong di sini pada Isnin.

Mengulas lanjut, Abd Rahman berkata, FAMA akan terus memastikan pengguna dan usahawan mendapat pulangan yang berpatutan daripada program itu sejajar dengan objektif bagi memberi faedah sebanyak mungkin.

Menurut beliau, peserta-peserta program berdaftar pada program ini disasarkan meningkat 1,000 setiap tahun.

"Program akan memberi kemudahan dan impak yang besar kepada pengguna termasuk mengurangkan kos sara hidup di bawah komponen makanan segar.

"Selain FAMA agensi-agensi lain juga melakukan perkara sama memperluaskan lagi program ini bagi memberi jaminan penyaluran hasil pertanian segar ke pasaran secara berterusan," ujarnya.

FAMA mahu mengurangkan penglibatan orang tengah bagi mengawal harga

Cari jalan sayur tidak naik harga

Oleh ROSMIZAN RESDI

KOTA BHARU – Program Khidmat Pemasaran Ladang Kontrak (KPLK) yang diperkenalkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mampu mengekang peranan orang tengah sekali gus dapat mengawal kestabilan harga sayur-sayuran dan buah-buahan.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Abd. Rahman Mahmood berkata, program itu turut membantu pihaknya merumuskan data lengkap berkaitan hasil tanaman bagi pelaksanaan dan perancangan masa hadapan. Menurutnya, petani dan pengeluar akan dapat mengurangkan penglibatan orang tengah sekiranya berdaftar dengan Fama.

"Selain itu, KPLK juga dapat menyelesaikan masalah bekalan sekiranya berlaku kejadian seperti bencana.

"Bagaimanapun, kebanyakan petani dan pengeluar tidak mahu mendaftarkan dengan FAMA disebabkan beberapa faktor ter-

masuk takut dikenakan cukai selain kaedah penanaman tidak memenuhi piawaian ditetapkan," katanya kepada pemberita selepas Program Jualan Agro Madani di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong di sini semalam.

Ab. Rahman memberitahu, seramai 3,232 petani yang terlibat dalam penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan telah menyertai program KPLK di seluruh negara.

Katanya, FAMA ketika ini sedang menggalakkan penglibatan lebih ramai penyertaan dengan menyasarkan penambahan seramai 1,000 peserta KPLK baharu setiap tahun.

"Program KPLK adalah bertujuan untuk memastikan hasil pertanian dibawa terus kepada pengguna tanpa menggunakan orang tengah.

"Kaedah itu dapat mengawal harga sayur-sayuran dan buah-buahan sekali gus membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat di bawah komponen makanan segar," ujarnya.



ABD. RAHMAN (kiri) meninjau gerai jualan sayur-sayuran pada Program Jualan Agro Madani di RTC Tunjong, Kota Bharu semalam.

Antara punca petani terlepas jadual masa penanaman

Pesawah mengeluh benih padi mahal



PESAWAH menyembur racun di bendang ketika tinjauan di Pendang.
baru-baru ini. - GAMBAR HIASAN

Oleh NUR SYAZWANA MANSOR

SUNGAI PETANI – Kebanyakan pesawah di negeri ini didakwa gagal menuai padi mengikut jadual ditetapkan ekoran mengalami pelbagai masalah termasuk berlaku lonjakan harga benih yang dikatakan dijual melebihi paras ditetapkan.

Exco Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Abdul Rashid Yob berkata, situasi yang didakwa berlaku sejak empat bulan lalu itu mengakibatkan pesawah terpaksa mencari kerja lain untuk menyara hidup.

Katanya, hasil padi sepatutnya sudah boleh dituai menjelang akhir bulan ini.

"Banyak kawasan penanaman padi termasuk di empat wilayah Lembaga Kemajuan Pertanian

Muda yang tidak diusahakan.

"Antara punca adalah kerana pesawah sudah terlepas jadual masa penanaman padi disebabkan mereka menunggu untuk mendapatkan harga padi benih yang disyorkan iaitu RM45," katanya kepada Kosmo!

Menurut Abdul Rashid, ada pesawah yang kecewa apabila harga belian padi tidak konsisten selain pengilang-pengilang tidak menjual padi benih seperti harga yang disyorkan.

Beliau difahamkan harga padi benih yang dijual kepada wakil penjual adalah lebih tinggi berbanding yang disyorkan menyebabkan wakil-wakil penjual itu juga terpaksa menjual pada harga lebih mahal kepada pesawah.

Tambahnya, situasi itu menyebabkan pesawah hilang sum-

ber pendapatan pada musim ini selain terpaksa mencari alternatif lain bagi menjana pendapatan.

"Ada dalam kalangan pesawah terpaksa membuat pinjaman kewangan daripada agensi-agensi tertentu selain mencari pekerjaan alternatif lain untuk menyara kehidupan mereka," katanya.

Ujar Abdul Rashid, pihak kerajaan seharusnya mengambil tindakan yang lebih agresif dalam usaha menamatkan kemelut membabitkan penanaman padi ini.

"Isu harga padi benih yang mahal dan isu harga belian padi yang tidak konsisten merupakan isu penting yang perlu diberi perhatian kerana ianya mendatangkan masalah dan kerugian kepada pesawah," katanya.

16/1/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

8

Kebun dimiliki penduduk tempatan - MB

Kg. Johan Setia sumbangan 30 peratus bekalan sayur

Oleh **MOHAMAD NAUFAL
MOHAMAD IDRIS**
utusannews@mediamulla.com.my

SHAH ALAM: Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari mengakui kewujudan kebun-kebum sayur berkeluasan kira-kira 2,585.4 hektar dekat Kampung Johan Setia, Klang menyumbang 20 hingga 30 peratus bekalan di Lembah Klang.

Bagaimanapun, beliau menafikan kebun-kebum tersebut dimiliki oleh warga asing sebaliknya ia masih milik penduduk tempatan dan individu dimaksudkan adalah pekerja-pekerja di sana.

"Saya rasa (penduduk) membuat andaian berdasarkan pemerhatiannya yang melihat ramai warga asing yang bekerja di kawasan terbabit.

"Mungkin ada pemilik kebun yang menggajikan pekerja warga asing bekerja untuk kerja penanaman sayur di sana," katanya selepas Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 Menteri Besar Selangor di Bangunan Sultan Abdul Aziz, semalam.

Bagaimanapun, tambah beliau, Pejabat Daerah dan Tanah (PDPT) Klang sudah pun menangani pengusaha-pengusaha kebun terbabit untuk menangani masalah lambakan pekerja ke-



WARGA asing didakwa menguasai kebun sayur dekat Kampung Johan Setia di Klang, Selangor. - UTUSAN / SADDAM YUSOFF

bun dalam kalangan warga asing, *Utusan Malaysia* semalam melaporkan ratusan lot tanah yang mampu memuatkan lebih 3,000 padang bola sepak bertaraf antarabangsa di kampung tersebut dikuasai oleh warga asing yang melakukan aktiviti pertanian sayur-sayuran.

Penguasaan mereka didakwa berlaku lebih 10 tahun lalu sehingga warga asing terbabit mempunyai ekosistem per-

niagaannya tersendiri seperti jadual penanaman sayur, perah serta transaksi jualan yang direkodkan dalam bahasa ibunda mereka.

Situasi tersebut didakwa mencetuskan kebimbangan penduduk apabila setiap lot dikatakan memiliki antara empat hingga lapan warga asing yang menyebabkan kebanjiran komuniti itu dalam kawasan kampung berkenaan.